

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI ISNIN, 12 JUN 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 39**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1522-L20073  
**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat mana sambutan orang ramai terhadap Perkhidmatan Subfertility LPPKN dan adakah objektifnya tercapai.
2. PR-1522-L20186  
**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah Kementerian telah memastikan supaya dasar ‘zero potholes’ dilaksanakan segera dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya, dan memastikan agar setiap kerja penampalan jalan yang dibuat adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
3. PR-1522-L20210  
**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah terkini pihak Kementerian untuk memupuk kesedaran aspek kesihatan dalam kalangan rakyat yang masih berada di tahap rendah memandangkan Malaysia dikategorikan sebagai bukan negara sihat.
4. PR-1522-L20244  
**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status Projek Perumahan Rakyat Bukit Belah di Machang, dan bilakah penerima yang terpilih akan dapat berpindah masuk.

5. PR-1522-L19680

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana langkah-langkah yang telah diambil bagi menangani isu buli khususnya di kalangan pelajar sekolah menengah yang menunjukkan peningkatan kes setiap tahun dan keberkesanan langkah-langkah tersebut.

6. PR-1522-L20714

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kementerian Perpaduan Negara terlibat dalam proses pemantauan dan suntingan drama dan filem bagi memastikan nilai-nilai kerukunan dalam karya-karya yang dihasilkan serta tidak menyentuh isu sensitif yang melibatkan sensitiviti kaum dan agama.

7. PR-1522-L20477

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah respon pihak Kementerian berhubung usaha dan cadangan Kerajaan Sarawak untuk menubuhkan syarikat penerbangan sendiri iaitu Boutique Airline dan apakah perkara serta syarat utama yang dipertimbangkan Kementerian sebelum memberi kelulusan pengoperasian syarikat penerbangan baharu ini di dalam keadaan pasaran yang begitu kompetitif.

8. PR-1522-L20890

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apa perancangan Kementerian untuk memastikan jalan utama dan jambatan ke perkampungan Orang Asli dinaiktaraf kerana masih banyak yang berstatus guna 'Jalan Pembalakan'.

9. PR-1522-L19508

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dua stadium di Klang iaitu Padang Sultan Sulaiman Kota Raja dan Stadium Pandamaran yang dilengkapi dengan kolam renang, trek dan padang bola sepak. Namun, keadaan bangunanya adalah daif serta tidak terurus dan banyak kerosakan akibat kurang penyelenggaraan. Adakah Kementerian mempunyai sebarang cadangan untuk menaik taraf dan membaik pulih kedua-dua stadium ini.

10. PR-1522-L20583

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian pada waktu ini bagi membantu para pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah yang telah tercicir pengajian disebabkan masalah kemiskinan.

## 11. PR-1522-L19555

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan Seksyen 7A(5) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1966 (Akta 118), wang dalam Akaun Pemaju Perumahan bukan hak syarikat pemaju tergulung, apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap pelikuidasi swasta yang enggan meneruskan projek perumahanan terbengkalai; dan pelikuidasi swasta mencaj fi melebihi kadar nilai harga pasaran untuk menandatangani borang pemindahan.

## 12. PR-1522-L20829

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan ada Kerajaan berhasrat untuk menujuhkan sebuah agensi keselamatan kesihatan bersepadu yang bersifat multidisiplin bagi memperkuuh kesiapsiagaan serta langkah pencegahan dalam menghadapi ancaman pandemik atau endemik pada masa akan datang.

## 13. PR-1522-L19554

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) status kajian selama 15 bulan yang ditugaskan oleh Kementerian kepada Universiti Malaya (UM) pada tahun 2019 mengenai kandungan, pendekatan dan skop bagi mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia supaya melindungi mereka daripada pengabaian dan penderaan; dan
- (b) bilakah Kementerian akan mendedahkan hasil kajian tersebut dan memulakan rundingan dan perbincangan untuk melaksanakan perlindungan sosial terhadap warga emas.

## 14. PR-1522-L20422

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah pihak Kementerian akan memulakan kemudahan pengangkutan seperti bas mini yang efektif dan efisyen di pinggiran kawasan bandar seperti Kapar.

## 15. PR-1522-L19946

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada dapat meluluskan permohonan peruntukan oleh Kementerian Kerja Raya bagi menjalankan projek menaik taraf Bulatan Pujut 3 (GK Supermarket) Miri yang dinanti-nantikan rakyat Miri supaya dapat menyelesaikan kesesakan lalu lintas yang paling utama di Miri.

16. PR-1522-L20524

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini mengenai penubuhan Pasukan Petugas Khas untuk menangani projek-projek sakit terutama pembinaan hospital dan klinik kesihatan yang merupakan bukan satu bangunan biasa tetapi melibatkan pemasangan kemudahan kesihatan seperti mempunyai ruang yang cukup, praktikal dan boleh digunakan untuk semua orang.

17. PR-1522-L19884

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengawal harga tiket penerbangan khususnya di musim perayaan bagi laluan dari Semenanjung Malaysia ke wilayah Sabah dan Sarawak.

18. PR-1522-L20675

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam menangani permasalahan sistem atas talian melibatkan KPM yang sentiasa mengalami gangguan capaian dan kerap berlaku.

19. PR-1522-L20038

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan untuk mendekati golongan belia luar bandar menerusi pelbagai aturcara program dan aktiviti yang bersesuaian dengan konsep Malaysia MADANI supaya golongan berkenaan turut mengambil bahagian serta tidak ketinggalan.

20. PR-1522-L20907

**Dato' Dr. Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian mengenai pelaburan langsung asing (FDI) dalam penyelidikan klinikal negara khususnya bidang kardiologi, onkologi, reumatologi, kesuburan dan penyakit genetik, dan berapakah bilangan pakar kesihatan tempatan dalam bidang-bidang berkenaan.

21. PR-1522-L20559

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah terdapat kerjasama strategik Kementerian dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan pelan induk bandar mesra pejalan kaki bagi mempertingkat kesalinghubungan di antara kawasan transit pengangkutan awam dan kawasan perumahan agar kebergantungan menggunakan kenderaan dapat dikurangkan.

22. PR-1522-L20544

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan larangan merokok di premis awam seperti kedai makan bagi meningkatkan kesedaran tentang bahaya merokok.

23. PR-1522-L20076

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah kekurangan guru di Sarawak telah diatasi. Nyatakan jumlah kosongan terkini dan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk mengatasinya.

24. PR-1522-L20859

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana persiapan terkini atlet-atlet negara dalam misi memburu pingat emas pertama Malaysia pada temasya Sukan Olimpik Paris 2024.

25. PR-1522-L19796

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah program-program terkini yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian khusus untuk membantu meningkatkan tahap ekonomi masyarakat Orang Asli.

26. PR-1522-L20341

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah integrasi antara agensi di dalam Kementerian dalam usaha membantu lebih 560,000 penerima bantuan bulanan JKM.

27. PR-1522-L20285

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kementerian dalam mewujudkan pelbagai program peluang pekerjaan khususnya dari kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) yang hilang pekerjaan akibat pandemik yang lalu dan nyatakan peratusan yang berjaya kembali bekerja masa kini dan bagaimanakah pihak Kementerian mengukur keberkesanannya.

28. PR-1522-L20230

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha dan langkah Kementerian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, pengurusan projek dan penjanaan/ pengurusan kewangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh daerah di Sabah memandangkan pencapaian dan kedudukan mereka adalah antara yang terendah berbanding PBT lain di seluruh negara.

29. PR-1522-L19877

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada:-

- (a) Kementerian telah memulakan pengumpulan data di seluruh negara untuk mengkaji kesan daripada simptom COVID-19 berpanjangan atau “*Long Covid*” di Malaysia; dan
- (b) adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mewujudkan satu klinik khas bagi menangani kes-kes berkaitan COVID-19 berpanjangan di negara ini.

30. PR-1522-L19710

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berniat memulihkan inisiatif Skim Rumah Pertamaku untuk membantu anak muda membeli rumah pertama.

31. PR-1522-L20662

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan untuk menaiktaraf:-

- (a) gelanggang *skateboard* di Taman Tasik Temerloh; dan; dan
- (b) litar motor di Taman Industri Mentakab untuk dimanfaatkan oleh golongan belia.

32. PR-1522-L19846

**Puan Syerleena binti Abdul Rashid [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah "Guru Sandaran" yang sedang berkhidmat dan keperluan semasa penjawatan ini serta manfaat yang dinikmati oleh mereka. Nyatakan keperluan penjawatan ini mengikut negeri dan bidang/kepakaran.

33. PR-1522-L20649

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu senarai daftar isi rumah yang diintegrasikan mengikut keperluan perumahan untuk golongan miskin bandar bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyampaian berdasarkan kajian Program Perumahan Rakyat (PPR): Kesejahteraan Kediaman Golongan Miskin Bandar oleh KRI; dan
- (b) sejauh manakah tahap kecekapan dan kesalinghubungan di antara pengangkutan awam dan PPR.

34. PR-1522-L19708

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini dan kos bagi Projek Pembinaan insinerator atau selalunya dijenamakan semula sebagai loji rawatan termal (WTE) di Bukit Payong, Johor. Bilakah kemudahan pengurusan sisa pepejal di Bukit Payong boleh bermula beroperasi.

35. PR-1522-L20942

**Dr. Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah projek siap seperti menaik taraf jalan-jalan Persekutuan, membaik pulih dan pembinaan bangunan-bangunan baharu di Negeri Kedah sejak RMK-12 hingga sekarang.

36. PR-1522-L21032

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan Adakah Kementerian telah menjalankan ujian makmal berkaitan keberkesanan vaksin COVID-19. Jika ada, adakah laporan tersebut akan dikongsi kepada pengetahuan awam.

37. PR-1522-L20781

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah guru yang telah bersara awal dan faedah ex-gratia atau pencen yang ditawarkan oleh Kementerian; dan
- (b) berapa jumlah penambahan guru bagi menampung guru yang bersara awal dan tamat perkhidmatan di setiap negeri.

38. PR-1522-L19973

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian boleh meletakkan harga syiling bagi yuran penyelenggaraan projek-projek perumahan rakyat agar ia kekal berpatutan.

39. PR-1522-L20457

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) berapa nisbah Ahli Fisioterapi berbanding penduduk di Sabah, Sarawak dan Semenanjung; dan
- (b) jika tidak mencapai nisbah yang disarankan WHO, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian.

40. PR-1522-L19777

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan mengizinkan lebih banyak syarikat bersaing dalam perkhidmatan penumpang rel supaya penumpang mempunyai lebih banyak pilihan.

41. PR-1522-L20828

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status terkini dan garis masa bagi pengambilan 19,000 guru baharu tahun 2023; dan
- (b) perincian pengambilan guru mengikut opsyen mata pelajaran bagi tahun 2018 hingga tahun 2023 serta unjuran pengambilan guru bagi tahun 2023 hingga 2027 mengikut negeri, termasuk Putrajaya.

42. PR-1522-L20902

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menubuhkan sebuah Sekolah Pendidikan Khas di pekan Engkilili memandangkan ibu bapa di sekitar kawasan ini terpaksa menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Pendidikan Khas yang terletak jauh di pekan dan bandar lain.

43. PR-1522-L20351

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha bagi mengurangkan kelewatan dan kesesakan pesakit luar dan kecemasan.

44. PR-1522-L19728

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sebab konsensi Pharmaniaga diteruskan sepuluh tahun lagi walaupun ia berada dalam status PN17.

45. PR-1522-L20567

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik permohonan bersara pilihan dalam kalangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan secara perbandingan mengikut bidang kepakaran (opsyen) daripada tahun 2021 hingga 2023.

46. PR-1522-L19976

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan trend harga rumah yang semakin melonjak terutamanya di bandar-bandar sekaligus wujudnya lambakan rumah yang tidak terjual namun tidak dapat di manfaatkan oleh golongan pembeli yang benar-benar memerlukan memandangkan harganya yang di luar kemampuan.

47. PR-1522-L20383

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan secara holistik di kawasan luar bandar terutamanya di daerah Baling.

48. PR-1522-L19688

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan buat masa ini masih ada sekolah yang melaksanakan pembelajaran 2 sesi, seperti darjah 1, 2 dan 3 sesi pagi dan 4, 5 dan 6 sesi petang. Keadaan begini sebenarnya menyulitkan ibu bapa yang bekerja khususnya di kawasan-kawasan bandar. Apakah langkah Kementerian untuk penyelesaian masalah ini.

49. PR-1522-L20399

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendekatan mengurangkan jurang perpaduan yang wujud akibat pengasingan latar belakang terutama pendidikan yang berbeza dari orientasi sekolah vernakular dan sekolah kebangsaan yang lain.

50. PR-1522-L20707

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah kawalan daripada pihak Kementerian bagi menetapkan had bilangan pemilikan rumah kos rendah dan sederhana rendah kepada seseorang individu warganegara.

51. PR-1522-L20929

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menempatkan kerani untuk semua sekolah kurang murid (SKM) untuk mengurangkan beban tugas guru yang terpaksa menjalankan tugas sebagai pentadbir, pengajar dan perkeranian yang boleh mengurangkan tumpuan kepada murid.

52. PR-1522-L19916

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan persediaan untuk mempelbagaikan asas pendidikan supaya tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik sebaliknya menyediakan peluang dan ruang secukupnya buat pendidikan berorientasikan bakat dan kemahiran seperti pendekatan pengajaran dan pembelajaran berteraskan amali untuk mengembangkan kemahiran dan kepakaran para pelajar.

53. PR-1522-L20157

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah perancangan daripada Kerajaan untuk membina jalan bypass Gemas bagi menggalakkan sektor perindustrian berat, memandangkan laluan yang menghubungkan kawasan perindustrian Kuala Gemas merupakan jalan kampung dan membahayakan penduduk.

54. PR-1522-L19634

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data lengkap serta kajian berkaitan silibus pelajaran bagi pelajar di sekolah. Adakah KPM telah membuat kajian yang menyeluruh kepada para pelajar /ibu bapa tentang silibus yang digunakan waktu ini, adakah ia memberikan impak yg besar kepada prestasi pembangunan dan kemahiran para pelajar. Jika ya, apakah keputusan dan tindakan serta pembetulan yang telah diambil bagi mengatasi perkara berkenaan.

55. PR-1522-L20142

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah status terkini pembinaan sekolah daif di Sarawak dan mohon diperincikan jumlah yang sudah siap, dalam pelaksanaan dan projek kategori lewat jadual dan sakit; dan
- (b) berapakah jumlah kuarters guru kategori daif yang telah dikenalpasti dan akan dibina atau dibaikpulih dibawah peruntukan tahun ini di Sarawak.

56. PR-1522-L20338

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pembinaan MRSM Sik yang belum bermula sedangkan pemilihan tapak pembinaan MRSM itu telah dimuktamadkan.

57. PR-1522-L19685

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan maklumat berkaitan isu tuntutan gantirugi akibat kelewatan Projek Lebuh Raya SUKE (Sungai Besi – Ulu Kelang Elevated Expressway) di beberapa bahagian premis yang telah mengakibatkan kerugian kepada pemilik premis dan pengusaha di kawasan terbabit.

58. PR-1522-L19939

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini pembangunan struktur landasan tiang LRT berhampiran stesen LRT Bandaraya dan apakah garis masa bagi kerja-kerja pembangunan ini yang telah melibatkan pemberhentian perkhidmatan di 6 buah stesen semenjak 2 April 2023 dan menjelaskan ribuan pengguna setiap hari.

59. PR-1522-L20676

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik kawasan perumahan yang menghadapi masalah tekanan air rendah akibat Majlis Daerah/Majlis Perbandaran tidak mewajibkan pemaju perumahan membina tangki air atau ada kaedah untuk menukar paip air utama yang lebih besar.

60. PR-1522-L20695

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik notis kesalahan merokok di premis yang telah dikeluarkan di seluruh negara mengikut negeri dan umur serta langkah-langkah yang diambil hasil daripada aduan yang diterima.

61. PR-1522-L19729

**Tuan Wong Kah Woh [ Taiping ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini kontrak pembangunan dan penggunaan Aplikasi MySejahtera setakat kini. Sejauh manakah Kementerian telah melaksanakan syor-syor PAC berikut Laporan PAC yang dibentangkan ke dalam Dewan pada tahun 2022 berkenaan isu yang sama.

62. PR-1522-L20080

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah pelajar yang tidak mempunyai status kewarganegaraan yang sah belajar di sekolah-sekolah di Sarawak termasuk di kawasan Parlimen P.207 Igan. Nyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pelajar ini mendapat status kewarganegaraan yang sah.

63. PR-1522-L20103

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bilakah rancangan kerajaan untuk membina sebuah kompleks sukan di daerah Kinabatangan.

64. PR-1522-L19643

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif dan program/projek yang telah dilaksanakan oleh Kementerian untuk memperbaiki sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BALB) di daerah Ranau dalam tempoh 5 tahun yang lepas dan apakah perancangan pembangunan di dalam memperbaiki BELB serta BALB di daerah sama untuk tempoh 5 tahun yang akan datang.

65. PR-1522-L20331

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pemilihan murid secara adil bagi penempatan di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) khususnya kepada rakyat di pinggir bandar.

66. PR-1522-L20447

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apa status terkini Klinik 1Malaysia; dan
- (b) apa status atau nasib kumpulan sokongan pembantu perubatan kontrak yang bukan di bawah tajaan Kerajaan.

67. PR-1522-L19556

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa *School Improvement Partners* yang telah dilantik di setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sejak diperkenalkan pada tahun 2013 dan berapa jumlah gaji dan elaun yang telah dibayar dari tahun 2013 hingga sekarang.

68. PR-1522-L20180

**Dato Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status pelaksanaan serta jadual pelaksanaan Jambatan Sungai Sepidik Tinjar serta status pelaksanaan Fasa 4 projek menaik taraf jalan balak Baram setakat ini.

69. PR-1522-L19691

**Tuan Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan pembelajaran “tatanegara” sebagaimana yang telah dilaksanakan pada tahun 1970an dulu.

70. PR-1522-L20124

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Luper ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan menambah nilai peruntukan bagi makanan pra-sekolah memandangkan nilai semasa yang diperuntukkan adalah amat rendah sedangkan harga bahan makanan semakin meningkat.

71. PR-1522-L19645

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup wanita dan masyarakat daerah Ranau dalam 5 tahun ke belakang dan untuk rancangan 5 tahun ke hadapan untuk golongan yang sama dalam daerah ini.

72. PR-1522-L20388

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk membaik pulih Jalan Tawar-Kuala Ketil dan Jalan Kg Pisang-Gerik.

73. PR-1522-L20049

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang justifikasi dan sebab-sebab yang telah dipertimbangkan dalam keputusan Kementerian untuk melanjutkan perjanjian konsesi dengan Pharmaniaga Bhd.

74. PR-1522-L20264

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan bangunan unit kecemasan di Klinik Kemabong kerana ianya merupakan suatu keperluan yang kritikal memandangkan bilik unit kecemasan sedia tidak relevan untuk digunakan kerana ruangan yang sempit dan kurang kondusif bagi menjalankan kes kecemasan secara serentak.

75. PR-1522-L20265

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memajukan kawasan luar bandar di Terengganu khususnya di dalam kawasan yang diwartakan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) bagi memakmurkan lagi pembangunan ekonomi penduduk setempat khususnya dalam sektor pelancongan.

76. PR-1522-L20573

**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada wujud cadangan untuk menaiktaraf bangunan dan fasiliti di Terminal Domestik dan Antarabangsa KLIA dan apakah tempoh masa yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

77. PR-1522-L20478

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah anggota dan balai bomba sukarela di Malaysia mengikut pecahan negeri- negeri; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk menyemak semula insentif dan keistimewaan yang diberikan kepada para anggota.

78. PR-1522-L20122

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lupar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah jangka panjang Kementerian bagi meningkatkan keselamatan penduduk di kawasan luar bandar Sarawak daripada ancaman kebakaran yang sering berlaku di kampung-kampung pedalaman serta rumah-rumah panjang.

79. PR-1522-L20297

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status dan di peringkat manakah kerja-kerja menaik taraf Loji Rawatan Air Tupah yang telah diperuntukkan sebanyak RM35 juta daripada Kementerian disalurkan untuk menyedia akses bekalan air bersih dan terawat kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan tanggungjawab loji tersebut.

80. PR-1522-L20881

**Tuan Fathul Huzir bin Ayob [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha bagi mengelakkan kecinciran pelajaran kanak-kanak luar bandar termasuk kawasan Orang Asli. Ada terdapat perancangan Kerajaan untuk memperbanyakkan Asrama Desa di sekolah rendah terbabit.

81. PR-1522-L20484

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa bilangan keseluruhan unit harta tanah (perumahan) di seluruh Malaysia pada tahun 2023 mengikut perincian harta tanah dan strata.

82. PR-1522-L19908

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian mempunyai perancangan menaiktaraf fasiliti dan kemudahan Balai Bomba dan Penyelamat Kota Marudu yang kurang diselenggara seperti pintu shutter balai yang tidak berfungsi dan bilik menunggu anggota bomba bagi keselesaan anggota semasa menunggu panggilan kecemasan.

83. PR-1522-L21009

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kementerian dalam memastikan silibus sekolah swasta serta vernakular kekal relevan terutamanya berkaitan dengan sejarah Malaysia; dan
- (b) bagaimana sekolah vernakular boleh menjadi pemangkin kepada perpaduan kaum.

84. PR-1522-L20104

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status Arcturus yang menjelaskan kesihatan rakyat. Apakah cara yang boleh diambil supaya pandemik tersebut dapat dikawal. Jelaskan dan nyatakan ancaman yang akan dibawa oleh varian ini.

85. PR-1522-L21016

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana kerjasama yang dilakukan bersama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dalam usaha untuk melaksanakan cadangan bagi memasukkan silibus pendidikan Islam secara lebih komprehensif dan praktikal di dalam sistem Tabika KEMAS.

86. PR-1522-L20214

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang peningkatan kes COVID-19 sejak kebelakangan ini. Apakah dos vaksin yang sedia ada berupaya untuk melindungi rakyat dari serangan terbaru ini.

87. PR-1522-L20744

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai SJKT dan SJKC di seluruh negara pada 2022 dan adakah sekolah jenis kebangsaan ini melanggar Perlembagaan negara seperti yang didakwa beberapa pihak serta nyatakan kaedah baru untuk menyatukan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar berbilang bangsa kerana telah terbukti sekolah pelbagai aliran ini memecahkan perpaduan di kalangan rakyat.

88. PR-1522-L19837

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan untuk meningkatkan lagi penyertaan Perubatan Tradisional dan Komplimentari (PTK) dalam sistem kesihatan kebangsaan dan perancangan untuk memajukan kaedah PTK, contohnya memperkenalkan biasiswa penuh bagi melahirkan pakar Perubatan PTK.

89. PR-1522-L20531

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pelan strategik bagi meningkatkan transparensi urus tadbir Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta anak syarikatnya.

90. PR-1522-L19529

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf sistem pembelian tiket di stesen KTMB seluruh negara dan berapa peruntukan yang dikeluarkan bagi menaik taraf infrastruktur KTMB bagi memperkuuh perkhidmatan pengangkutan awam berdasarkan rel di Malaysia.

91. PR-1522-L20692

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana teknologi sistem binaan berindustri (IBS) berdasarkan kenaf digunakan dalam membangunkan projek perumahan.

92. PR-1522-L20231

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian menggunakan Indusrialized Building System (IBS) dalam pembinaan bangunan sekolah baharu di Sarawak. Berapa buah sekolah sudah dibina menggunakan sistem IBS ini.

93. PR-1522-L20788

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu golongan pelajar di negara ini yang bergelut dengan masalah kesihatan mental bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya.

94. PR-1522-L20040

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terkini mengenai penularan varian baharu COVID-19 dan strategi untuk mengekang penularan semula virus berkenaan serta statistik semasa kadar pengambilan dos penggalak kedua bagi individu yang berisiko tinggi.

95. PR-1522-L20364

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menangani isu kuarters guru yang terbiar di seluruh negara (terutama di kawasan Parlimen Padang Serai).

96. PR-1522-L20220

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara terperinci rancangan FELCRA berhad bagi membangunkan estet padi berskala besar di Parlimen Kota Belud dan Kota Marudu dengan keluasan sekitar 15,000 hingga 20,000 hektar.

97. PR-1522-L19970

**Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah kempen kesedaran mengenai bahayanya COVID-19 Varian Arcturus di dalam masyarakat kita dan apakah jaminan bekalan vaksin mencukupi untuk menampung jumlah penerima yang berisiko buat masa terdekat ini.

98. PR-1522-L20169

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat meningkatkan penyaluran kos untuk kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat di Jalan Persekutuan terutama di daerah Tawau.

99. PR-1522-L20787

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah pihak kementerian bercadang untuk menambah baik Pusat Pembangunan Bola Sepak Akademi Mokhtar Dahari (AMD); dan
- (b) jumlah dan kriteria akademi bola sepak yang didaftarkan dibawah Kementerian Belia dan Sukan.

100. PR-1522-L19943

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kekurangan pensyarah serta anggota kumpulan pelaksana dan keadaan infrastruktur yang amat memerlukan penaiktarafan dan penyelenggaran di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri bagi meningkatkan kualiti latihan program keguruan.

101. PR-1522-L20755

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah sebab harga tiket penerbangan meningkat sehingga lima kali ganda setiap kali musim perayaan dan bagaimana inisiatif kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

102. PR-1522-L20811

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa ramai gelandangan khususnya di Lembah Klang ketika ini dan apakah usaha Kementerian untuk mengatasi isu lambakan makanan dan bantuan kepada gelandangan yang dilihat sekadar melepas batuk ditangga.

103. PR-1522-L20984

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) rasional Kementerian mengenakan kadar kos perubatan yang sama bagi pesakit yang berpindah dari hospital swasta kepada hospital awam kerana telah menggunakan peruntukan sehingga tahap maksimum penggunaan insurans mereka; dan
- (b) adakah Kementerian akan mengkaji kadar kos perubatan ini sesuai dengan kemampuan pesakit yang memerlukan khidmat dari hospital awam.

104. PR-1522-L20143

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah Langkah-langkah segera dan usaha Kementerian dalam mengurangkan kadar pelajar ponteng sekolah di luar bandar khususnya di Sarawak; dan
- (b) sejauh manakah Kementerian melaksanakan pemantauan terhadap perkara ini bagi mempastikan mutu Pendidikan pelajar luar bandar di tahap yang tinggi.

105. PR-1522-L20502

**Tuan Afnan Hamimi bin Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) untuk projek Kedah Aerotropolis di Kedah dan jika ianya belum siap, bilakah jangkaan ianya dapat disiapkan.

106. PR-1522-L20099

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) peningkatan harga tiket penerbangan ke Sabah dan Sarawak terutamanya pada waktu perayaan; dan
- (b) kekurangan bilangan penerbangan domestik di negeri Sabah terutamanya melibatkan Kota Kinabalu ke Sandakan.

107. PR-1522-L20485

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa jumlah harta tanah di seluruh Malaysia yang mempunyai insurans bencana, daripada Januari 2022 sehingga Disember 2022.

108. PR-1522-L20310

**Dato' Khlier bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sekiranya Kementerian mempunyai peruntukan untuk mendirikan dewan-dewan orang ramai di kawasan perumahan yang baru dibina. Jika ada, bagaimanakah peruntukan ini disalurkan.

109. PR-1522-L20257

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah intervensi yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi mengelakkan berlakunya kes strok haba melibatkan para pelajar ketika sesi persekolahan bagi memastikan tahap keselamatan pelajar terus diberikan keutamaan.

110. PR-1522-L20607

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah ada langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi masalah kesesakan di hospital dan fasiliti kesihatan Kerajaan dengan menggunakan kemudahan dan peralatan pihak swasta di dalam keskes terpilih bagi mengelakkan pesakit menunggu lama sehingga membahayakan nyawa.

111. PR-1522-L20119

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah keperluan untuk menangguhkan kelas kerana suhu tinggi melebihi 37 darjah celcius selama tiga hari berturut-turut. Apakah kesan positif atau kesan negatif jika menangguhkan kelas.

112. PR-1522-L20174

**Tuan Lo Su Fui [ Tawau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kementerian untuk mengatasi pembelanjaan kesihatan yang semakin meningkat dan jaminan Kementerian agar "Skim Perubatan Madani" disalurkan melalui mekanisme yang adil agar wilayah Sabah dan Sarawak tidak terpinggir daripada mendapat manfaat ini.

113. PR-1522-L20538

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) bilakah Dasar Pendidikan Digital yang telah dimuktamadkan oleh KPM pada tahun 2022 akan mula dilaksanakan; dan

(b) status pelaksanaan jaringan internet berkelajuan tinggi di sekolah-sekolah seluruh negara yang telah dirangka di bawah inisiatif KPM.Net.

114. PR-1522-L20153

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif Kementerian dalam mengurangkan kos rawatan dan apakah mekanisme yang digunakan untuk memperbaiki akses kepada perkhidmatan kesihatan di Malaysia.

115. PR-1522-L20534

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini kajian kebolehlaksanaan Kedah Aerotropolis oleh Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP).

116. PR-1522-L20340

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan dan strategi khusus oleh Kementerian apabila YAB Timbalan Perdana Menteri berjanji bahawa apabila Kerajaan Madani mengambil alih negeri Kedah, maka perkhidmatan feri ke Langkawi akan ditambah sehingga 15 kali sehari selain daripada mendalamkan laut.

117. PR-1522-L20452

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk mengawal dan mencegah penyakit ataupun ketagihan kepada perokok-perokok elektronik "vape"; dan
- (b) bagaimana bentuk pengawalan terhadapan kandungan nikotin dalam vape agar tidak melebihi dari had yang ditetapkan.

118. PR-1522-L20564

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Akta Keharmonian Negara bagi memastikan terdapat keseimbangan untuk memupuk keharmonian merentasi pelbagai budaya dan agama, di samping mengawal selia pihak yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan kebebasan bersuara dan menjelaskan suasana harmoni dan sensitiviti perkauman dalam negara.

119. PR-1522-L20375

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah terdapat perancangan terperinci terhadap inisiatif penambahbaikan sistem persekolahan, memandangkan kajian menunjukkan wujud peningkatan interaksi silang antara etnik di Sekolah Wawasan.

120. PR-1522-L19941

**Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [ Sembrong ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perkembangan status langkah Kementerian mengadakan perkongsian daripada Pakar Perumahan Singapura.

121. PR-1522-L20575

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terkini dan perancangan jangka masa pendek dan panjang untuk Murid-murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK).

122. PR-1522-L19564

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatan laporan jawatankuasa bebas kebakaran Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru 2016 dan bila laporan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

123. PR-1522-L20773

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mekanisme pihak Kerajaan untuk menangani isu tiket penerbangan mahal ke Sabah dan Sarawak yang ketara semasa musim perayaan Aidilfitri baru-baru ini.

124. PR-1522-L20490

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah perbelanjaan mengurus warga emas, termasuk peruntukan kepada NGO untuk tahun 2020, 2021, 2022 dan unjuran bagi tahun 2023.

125. PR-1522-L20663

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mewujudkan perjawatan tetap warden daripada kalangan bukan guru.

126. PR-1522-L19791

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang berstatus sekolah daif di Negeri Sembilan dan apakah perancangan yang dibuat bagi membantu sekolah yang berkenaan.

127. PR-1522-L20187

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah status kajian terhadap pindaan Akta Orang Asli 1954 yang telah dijalankan sehingga kini bagi memastikan supaya hak dan kebajikan Orang Asli sentiasa terbela.

128. PR-1522-L19525

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca utama kepada isu kemalangan maut yang semakin menjadi-jadi dan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam menyelesaikan isu ini.

129. PR-1522-L20745

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan dan langkah-langkah penambahbaikan Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Bukit Gantang seperti Jalan Persekutuan FT060 Changkat Jering – Batu Hampar, FT001 Butterworth – Ipoh dan FT3146 susur keluar Plaza Tol Kamunting sehingga ke bulatan Kamunting yang rosak teruk akibat kenderaan berat dan tampalan jalan jangka pendek yang membahayakan akibat merekah dan terhakis kerana hujan lebat.

130. PR-1522-L20603

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi memperkasa pembelajaran secara digital sebagai persiapan menghadapi ledakan ilmu pengetahuan secara maya yang dapat dipimpin supaya manfaat maksimum dapat dicapai.

131. PR-1522-L20288

**Tuan Zahari bin Kechik [ Jeli ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sehingga suku pertama bagi tahun 2023 berapa peruntukan yang telah disalurkan kepada KESEDAR mengikut pecahan berikut:-

(a) pembinaan dan menaik taraf jalan-jalan kampung, pembinaan rumah baru PPRT dan baik pulih rumah ; dan

(b) pembangunan keusahawanan.

132. PR-1522-L19700

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Madani berhasrat untuk memperkenalkan semula Program Feri Malaysia sebagai cara alternatif pengembalaan di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

133. PR-1522-L19917

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pelaksanaan dan inisiatif Kementerian berkaitan program "Smart Learning" di sekolah-sekolah di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar yang kebanyakannya menghadapi masalah capaian internet di mana pembekalan peralatan dan peranti yang diperlukan sehingga kini masih berkurangan.

134. PR-1522-L19718

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratusan kanak-kanak yang mula menerima pendidikan awal dari umur 3, 4, 5 dan 6 tahun dan langkah-langkah yang diambil untuk menutup jurang perbezaan terhadap akses kepada pendidikan awal yang berkualiti untuk mereka dari keluarga berpendapatan rendah dan tinggi.

135. PR-1522-L21046

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang telah dipohon dan daripada tahun 2018 ke tahun 2023 berapa jumlah projek BELB yang telah dilaksanakan dan sedang dilaksanakan mengikut lokasi.

136. PR-1522-L19639

**Datuk Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif khas atau kursus kemahiran bagi memberdayakan ekonomi warga desa khususnya usahawan muda, dan sejauh manakah program dan bantuan khusus ditawarkan dalam aspek pendigitalan perniagaan termasuk program pendigitalan Usahawan Desa.

137. PR-1522-L19731

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah Program Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang ditawarkan oleh kolej-kolej vokasional di seluruh negara yang belum mendapat akreditasi penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) ataupun Malaysian Board of Technologist (MBOT).

138. PR-1522-L20401

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan komitmen Kerajaan Pusat dalam mengambil alih konsesi lebuh raya dan beransur-ansur mengurangkan kadar tol di seluruh negara bagi meringankan beban dipikul rakyat selama ini.

139. PR-1522-L20527

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang telah diambil bagi menangani impak langsung berleluasanya pengamal homoseksual dalam negara sehubungan perlaksanaan projek rintis pemberian ubatan PrEP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

140. PR-1522-L19653

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk membenarkan mana-mana penyiasat bebas untuk menyiasat semula tragedi kejatuhan kapal terbang yang berlaku pada 6.6.1976 yang membawa maut mantan YAB Ketua Menteri Sabah pada ketika itu dan beberapa pemimpin Sabah yang lain memandangkan laporan yang diberi diselubungi dengan pandangan-pandangan pakar yang jelas mempunyai kepentingan tersendiri dalam membuat laporan itu.

141. PR-1522-L19909

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dasar komprehensif pengurusan dan pengawalan pembangunan di cerun termasuk pemetaan, penilaian, penyelenggaraan, pemantauan dan pengukuhan/penstabilan cerun ekoran tanah runtuh di sekitar bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia baru-baru ini dan krisis iklim global termasuk aspek sumber seperti tenaga kerja dan dana.

142. PR-1522-L20042

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah penyelesaian masalah banjir kilat di bandar-bandar dan pekan-pekan seluruh negara terutamanya yang diakibatkan masalah penyelenggaraan sistem perparitan dan saliran.

143. PR-1522-L20685

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status Jeti Kargo di Pulau Tioman yang telah siap dibina hampir 15 tahun tetapi masih belum boleh digunakan.

## 144. PR-1522-L20893

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bantuan dan kemudahan pinjaman yang disediakan di bawah Kementerian untuk memperkasa usahawan dan peniaga kecil di luar bandar serta inisiatif oleh Kementerian serta agensi berkaitan bagi membantu mereka dalam mendapatkan bantuan dan kemudahan pinjaman tersebut.

## 145. PR-1522-L19497

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sesetengah syarikat perkapalan tempatan yang lebih mengutamakan warga asing berbanding pekerja tempatan. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan pengambilan pelaut warga tempatan diutamakan dan tidak sepatutnya mengambil sikap “lepas tangan” dengan mengambil pelaut warga asing sedangkan Malaysia mempunyai tenaga kerja mahir yang mencukupi serta langkah Kerajaan bagi melatih lebih ramai pekerja tempatan.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

**1. Menteri Kesihatan**

- \* Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

**2. Menteri Kewangan**

- \* Rang Undang-Undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2023.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

### **1. Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :

**"Bahawa** Dewan ini mengambil maklum bahawa perolehan vaksin COVID-19 dilaksanakan atas persetujuan Mesyuarat Jemaah Menteri melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang dipengerusikan bersama oleh YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dan diberi kuasa untuk berunding, menandatangani perjanjian pembelian serta membuat perolehan vaksin COVID-19.

**Bahawa** Dewan ini mengambil maklum bahawa perjanjian yang ditandatangani telah melalui proses semakan dan nasihat daripada Jabatan Peguam Negara bagi memastikan bekalan vaksin COVID-19 dapat diperoleh dengan segera, selamat dan teratur mengikut Prosedur Operasi Standard Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibangunkan hasil konsultasi Kementerian Kesihatan bersama Bahagian Perolehan Kerajaan dan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.

**Bahawa** Kementerian Kesihatan antara lain telah melaksanakan intervensi kesihatan awam yang tidak melibatkan bahan farmaseutikal ataupun *Non-Pharmaceutical Interventions (NPis)* serta turut melaksanakan pemberian vaksinasi COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat Malaysia.

**Bahawa** Dewan ini menyedari bahawa program vaksinasi yang dilaksanakan telah berjaya mengawal penularan COVID-19, mencegah komplikasi yang teruk termasuk kemasukan ke hospital seterusnya membawa kematian. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan bukan farmaseutikal dan vaksinasi ini telah berjaya melandaikan keluk pandemik COVID-19 Negara dan seterusnya memulihkan beban kesihatan awam Negara.

**Bahawa** Dewan ini mengesahkan perolehan vaksin COVID-19 yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 hingga tahun 2023 dan hala tuju Kerajaan seterusnya seperti dinyatakan dalam Kertas Perintah 28 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada Selasa, 6 Jun 2023."

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 8 Jun 2023 ]**

### **2. Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :

**"Bahawa** Dewan ini, membuat ketetapan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat bahawa Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi tahun 2020 (Kertas Status ST.140 Tahun 2023) yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 25 Mei 2023, untuk membahaskan isu-isu dan syor-syor yang terkandung dalam Laporan Tahunan ini;

**memperakui** bahawa aspirasi dan komitmen Kerajaan yang telus dan berintegriti dalam usaha melindungi, memenuhi tanggungjawab dan menghormati isu hak asasi manusia telah mengangkat dan menjadikan SUHAKAM sebagai satu badan bebas yang dikenali di peringkat nasional dan antarabangsa sehingga diberi pengiktirafan status A di bawah Prinsip-prinsip Paris (*Paris Principles*) selain mampu mewujudkan kerjasama yang baik antara agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) demi melindungi dan mempromosi hak asasi manusia di Malaysia;

**menyedari** bahawa di dalam era dunia digital ini dengan kemudahan memperolehi maklumat dari internet dan media sosial menyebabkan pentingnya isu hak asasi manusia untuk di beri penjelasan dan pencerahan oleh pihak SUHAKAM dan Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat difahami dengan baik dan ditangani dengan sewajarnya selain keperluan Kerajaan untuk membantu/bekerjasama rapat dengan SUHAKAM dalam memperkuatkannya lagi usaha mempertingkatkan kesedaran mengenai hak asasi manusia dan menjaga serta menangani pelbagai isu sosial, ekonomi, kebudayaan serta politik dalam kalangan rakyat;

**mengambil maklum** akan cabaran yang dihadapi oleh SUHAKAM dalam menjalankan mandat dan tanggungjawabnya memerlukan perhatian yang serius daripada pihak berkaitan selain pertimbangan bagi melaksanakan dengan berkesan syor-syor utama yang terkandung dalam laporan tersebut serta memahami keperluan Kerajaan menandatangani dan menyertai/meratifikasi triti dan konvensyen antarabangsa berkenaan hak asasi manusia bagi memperkasakan lagi hala tuju dalam memupuk dan mempertahankan hak asasi manusia di Malaysia;

**menyokong** kepentingan perbahasan Laporan Tahunan ini bagi mencerminkan kesungguhan Kerajaan dalam memelihara dan melindungi hak asasi manusia melibatkan pelbagai lapisan masyarakat; dan

**Bahawa** dalam SUHAKAM melaksanakan mandatnya mempromosi dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia, Dewan yang mulia ini menyeru agar semua pihak bersama-sama bertanggungjawab dan bersatu hati dan menyokong Kerajaan agar pelaksanaan syor, pandangan dan cadangan yang terkandung dalam laporan tersebut dapat disahkan dan diluluskan."

3. ( D.R. 23/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[ Menteri Kewangan ]

4. **Menteri Kesihatan** akan mencadangkan :

**"Bahawa** Dewan ini memahami akan perlunya satu dasar reformasi sistem kesihatan Negara melalui Kertas Putih Kesihatan, bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan Rakyat supaya ia relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan.

**Bahawa** Dewan ini mendukung aspirasi Kerajaan untuk membina sebuah Negara yang sihat, di mana ekosistem kondusif diwujudkan supaya sistem kesihatan berdaya tahan serta mampan untuk jangka masa panjang melalui Kertas Putih Kesihatan.

**Bahawa** Dewan ini menyokong bagi memastikan usaha reformasi ini kalis masa hadapan dan tidak terkesan dengan situasi politik mahupun perubahan pentadbiran Negara.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan dan merestui dasar dan usaha yang komprehensif dan menyeluruh seperti yang diperkenalkan dalam Kertas Putih Kesihatan, dengan komitmen semua pihak berkepentingan sejajar dengan pendekatan Keseluruhan Negara (*Whole of Nation*) untuk sama-sama memikul tanggungjawab kesihatan sebagai satu usaha nasional.

**Bahawa** Dewan ini meluluskan Kertas Putih Kesihatan supaya menjadi hala tuju reformasi sistem kesihatan Negara untuk tempoh 15 tahun akan datang seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah 29 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Kesihatan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Isnin, 12 Jun 2023."

5. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM27,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sehingga akhir Mei tahun 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan."

6. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 6(2), subseksyen 90A(2), subseksyen 91I(2) dan subseksyen 91U(2), subseksyen 91DA(2), Akta Eksais 1976 supaya Perintah Duti Eksais yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.181 dan ST.182 bagi tahun 2022 serta ST.125, ST.126, ST.127, ST.129, ST.130, ST.134 bagi tahun 2023 disahkan."

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 7(2), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 supaya Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.38 bagi tahun 2023 disahkan."

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 10(3), Akta Cukai Jualan 2018 supaya Perintah Cukai Jualan yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.35 dan ST.128 bagi tahun 2023 disahkan."

9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2), Akta Kastam 1967 supaya Perintah Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bilangan ST.120, ST.121, ST.122, ST.123, ST.124, ST.133, ST.135, ST.136 bagi tahun 2023 disahkan."

10. PR-1522-U(27)254

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

[ Perdana Menteri ]

11. PR-1522-U(27)255

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan bahan makanan mentah seperti ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan bahan mentah tempatan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bahan makanan mentah. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan bahan mentah makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

12. PR-1522-U(27)256

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]**

13. PR-1522-U(27)257

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan kepada enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu seperti yang direncanakan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dapat dilaksanakan secepat mungkin. Berdasarkan pelan RMK-12 tersebut, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan."

**[ Menteri Ekonomi ]**

14. PR-1522-U(27)258

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir dan musim tengkujuh. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

15. PR-1522-U(27)259

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiap siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

16. PR-1522-U(27)260

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyemak semula garis panduan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai isi kandungan media sosial yang sensitif serta tidak sesuai dengan agama Islam dan budaya tempatan seperti kandungan yang pro-LGBT dan pro-liberalisme. Misalnya, SKMM baru-baru ini telah bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memantau penyebaran klip-klip video sensitif yang berbaur provokasi dengan niat mencetuskan ketidakharmonian, kebencian dan prejudis. Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya melakukan tindakan yang sama bagi menangani penularan isi kandungan pro-LGBT dan pro-liberalisme di media sosial. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan martabat Islam sebagai agama rasmi negara terpelihara dan budaya tempatan dihormati. "

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

17. PR-1522-U(27)261

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

18. PR-1522-U(27)262

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina dan Myanmar yang mempunyai tanaman dan baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

19. PR-1522-U(27)263

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menyediakan pelan tindakan yang komprehensif untuk menangani kadar pengangguran semasa yang dijangka meningkat terutamanya di dalam kalangan graduan universiti, penduduk luar bandar dan golongan miskin bandar. Pelan tindakan ini amat diperlukan memandangkan keadaan ekonomi global juga bakal meruncing pada tahun 2023 dan kadar pelaburan asing di Malaysia akan terjejas. Dengan situasi ekonomi terkini, lambakan penganggur akan menyebabkan peningkatan jumlah golongan B40 dan B20 akibat peningkatan kos sara hidup."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

20. PR-1522-U(27)264

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya meneruskan usaha untuk memberi bantuan semula kepada pesawah menerusi bajet 2023. Dalam ucapan bajet 2023 yang lepas, Kerajaan mengumumkan bantuan sebanyak RM200 sebulan bagi tempoh tiga bulan kepada 240 ribu penerima yang layak. Anggaran keseluruhan perbelanjaan bantuan tersebut adalah lebih kurang RM228 juta. Justeru itu, Kerajaan digesa agar mempercepatkan saluran bantuan tersebut kepada pesawah yang memerlukan bagi menyokong pengorbanan mereka sebagai tonggak utama dalam menghasilkan makanan ruji utama rakyat Malaysia iaitu beras. Kebanyakan petani di utara Semenanjung Malaysia mempunyai kawasan sawah padi yang luas serta subur yang juga sesuai ditanam pelbagai jenis tanaman seperti kelapa sawit. Walau bagaimanapun, para pesawah ini masih meneruskan tanaman padi bagi menjamin kelangsungan makanan ruji utama negara. Oleh hal demikian, Kerajaan diharapkan dapat menghargai pengorbanan para pesawah ini."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

21. PR-1522-U(27)265

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1522-U(27)266

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh hal yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

23. PR-1522-U(27)267

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1522-U(27)246

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan. "

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

25. PR-1522-U(27)247

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah- buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan. "

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

26. PR-1522-U(27)248

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengutamakan penternak dan pengeluar tempatan. Sementara Kerajaan tidak mengawal harga telur import dari luar negara ke Malaysia, maka adalah adil untuk Kerajaan menghapuskan kawalan harga terhadap telur ayam kerana "unfair advantage" kepada para pengimpor telur ayam dalam saingan sedangkan penternak-perternak tempatan pula mengalami kerugian akibat kos pengeluaran yang tinggi.

Keputusan Kerajaan untuk mengimport telur ayam daripada beberapa sumber luar seperti India dan Thailand sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi bukanlah penyelesaian yang tuntas dan ia sebenarnya adalah suatu tindakan yang mendiskriminasi penternak dan pengeluar tempatan memandangkan Malaysia pernah diangkat sebagai pengeksport telur kelima terbesar di dunia ketika era sebelum pandemik COVID-19.

Sebagai sebuah Kerajaan yang berpaksi kukuh di atas mandat rakyat, adalah disarankan agar Kerajaan tidak membuat keputusan secara tergesa-gesa dan bersifat dangkal memandangkan penternak dan pengeluar tempatan yang menanggung implikasinya secara total serta satu mekanisme yang lebih ampuh perlu dilandaskan bagi membela nasib penternak dan pengeluar tempatan."

#### **[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

27. PR-1522-U(27)249

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan segera terhadap masalah dan kesukaran para penumpang menuntut balik wang yang telah dibayar kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk tempahan tiket penerbangan akibat pembatalan penerbangan oleh syarikat penerbangan semasa pandemik dan pasca COVID-19.

Ramai penumpang menghadapi kesukaran menukar "credit shell" kepada pembayaran tiket penerbangan disebabkan pelbagai sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Gejala ini semakin serius berikutan pembatalan penerbangan yang sangat kerap oleh syarikat-syarikat penerbangan serta tiada pembayaran balik secara tunai kepada penumpang.

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) digesa untuk menyiasat perkara ini serta mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat penerbangan yang mengenakan syarat-syarat ketat dan tidak munasabah dalam soal "*redemption of credit shell*" demi melindungi kepentingan penumpang."

#### **[ Menteri Pengangkutan ]**

28. PR-1522-U(27)251

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan dasar perolehan di peringkat Kerajaan dapat memberi manfaat kepada syarikat-syarikat tempatan sekali gus merancakkan ekonomi di peringkat domestik dengan peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan dan peningkatan produktiviti.

Dalam membantu syarikat tempatan kekal berdaya saing dan memastikan survival mereka dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, Kerajaan harus memainkan peranan untuk membantu mereka dan memastikan perolehan kerajaan diisi oleh syarikat-syarikat ini yang berkemampuan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Ini termasuk sektor pengangkutan, pembuatan, kesihatan, perkilangan, perkilangan, dan semua sektor lain.

Dalam sesebuah projek Kerajaan, selain pemberian projek, ia juga akan melibatkan pembekalan komponen, barang mentah dan input yang berlainan. Kerajaan harus memastikan syarikat-syarikat tempatan mendapat manfaat di setiap lapisan perolehan yang dibuat, bersesuaian dengan kemampuan dan kualiti yang ditawarkan.

Kerajaan juga dalam masa sama perlu merangka modul yang menetapkan standard supaya syarikat-syarikat tempatan di setiap sektor dapat memastikan produk mereka menepati piawaian yang ditetapkan."

### [ Menteri Kewangan ]

29. PR-1522-U(27)252

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan perancangan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) terhadap polisi ekonomi gig yang lebih mampan. Dalam ketidaktentuan ekonomi yang berlaku beberapa tahun ini, sektor ini telah menjadi pilihan graduan, OKU, ibu tunggal, pesara dan penganggur dalam kalangan B40 untuk menyara keluarga mereka.

Antara masalah yang mereka hadapi adalah ketiadaan polisi khusus untuk menjaga kebajikan mereka, mereka tidak mendapat faedah gaji minimum, pendapatan yang tidak konsisten bergantung kepada permintaan aplikasi dan mereka tidak diiktiraf di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab 67).

Dengan perkembangan pesat ekonomi digital kini, Kerajaan seharusnya merancang dan mengiktiraf pekerja dalam sektor ini yang menjadi salah satu penyumbang kepada ekonomi negara, dalam masa sama menjaga kebajikan mereka dengan mengimbangi perkembangan daya saing mereka dalam pelbagai bidang."

### [ Menteri Ekonomi ]

30. PR-1522-U(27)253

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mewujudkan sebuah model, kaedah dan pendekatan patuh syariah yang memudahkan rakyat terkesan seperti kemiskinan situasi, bencana alam, kejutan ekonomi merudum dan sebagainya mendapatkan bantuan kewangan melalui pinjaman tanpa/rendah faedah bagi memastikan mereka dapat memastikan kelangsungan kehidupan keluarga terjamin dalam situasi pertumbuhan ekonomi yang agak perlahan.

Keadaan semasa mereka yang menghadapi kesulitan hidup memilih jalan pintas untuk keluar dari kemelut tanpa memikirkan kesan jangka panjang yang akhirnya akan menimbulkan keretakan struktur sosial negara yang pasti menjelaskan pembentukan generasi mendatang serta keutuhan institusi keluarga.

Kerajaan perlu mengatasi perkara ini segera kerana ia akan memberi kesan langsung kepada bakat negara dan penentuan peningkatan produktiviti."

**[ Menteri Kewangan ]**

31. PR-1522-U(27)250

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini mengesas Kerajaan mengkaji persempadanan semula kawasan pilihan raya di Sabah dan Sarawak melalui tambahan jumlah kerusi Parlimen di wilayah Sabah dan Sarawak untuk mencukupkan jumlah 35% kerusi dari wilayah Sabah dan Sarawak atau sekurang-kurangnya 7 kerusi bagi wilayah Sabah. Melalui usul ini, saya mengusul agar Parlimen Kudat dengan keluasan 2300 kilometer persegi di mana terdapat 2 daerah penuh dan 1 daerah kecil dengan kedudukan geografi yang terpisah dapat dibahagi kepada dua kawasan Parlimen."

**[ Perdana Menteri ]**

32. PR-1522-U(27)268

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** akan mencadangkan :

"Bahwasanya Dewan yang mulia ini meluluskan satu ketetapan supaya konsep MADANI yang berteraskan kemampunan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan menjadi gagasan pentadbiran negara."

**[ Perdana Menteri ]**

33. PR-1522-U(27)269

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula struktur tempoh latihan industri dalam kurikulum pengajian tinggi, sebagai satu langkah proaktif untuk menangani isu pengangguran graduan universiti yang semakin membimbangkan. Isu ini seringkali timbul kerana ketidaksesuaian antara kemahiran atau pengetahuan yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah mengubah tempoh latihan industri sebahagian kursus yang sedia ada selama enam bulan kepada tiga tempoh dua bulan yang berasingan dan ia akan dijalankan pada tahun kedua, ketiga dan keempat pengajian. Langkah ini akan membolehkan pelajar memperoleh kemahiran dan pengetahuan secara berperingkat, memastikan peralihan yang lebih lancar ke dunia pekerjaan, dan juga memudahkan pihak universiti untuk menerima maklum balas daripada majikan mengenai keberkesanan silibus kursus pengajian yang diterapkan. Dengan adanya pembaharuan struktur latihan industri ini, graduan yang lebih berpotensi dan berkemahiran akan dihasilkan, serta lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kita perlu mengambil tindakan segera untuk memastikan graduan kita lebih bersedia dan berdaya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan, dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan."

**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**

34. PR-1522-U(27)270

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

" Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan hotline 24 jam, yang dikelola dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Bomba, SWCORP, khususnya untuk mengatasi isu pembakaran terbuka di kawasan perumahan. Pengawatkuasaan yang efektif amat penting untuk mengelakan palaku terus melakukan kesalahan pembakaran terbuka yang akan merosakkan alam sekitar dan menyebabkan kesihatan orang awam terjejas. Oleh itu, prosedur untuk melaporkan dan mengambil tindakan perlu dipermudahkan. Pengadu hanya perlu menghantar bukti seperti rakaman gambar atau video, masa dan tarikh kejadian, serta maklumat lain seperti no plat kenderaan atau alamat tempat tinggal (jika ada) melaui hotline tersebut. Dengan bukti tersebut, saman boleh dikeluarkan dengan serta -merta kepada pesalah.

Proses ini seharusnya dijalankan dengan cara yang serupa dengan proses saman trafik, dengan melibatkan bukti visual daripada kejadian tersebut. Sebarang bantahan terhadap saman boleh dibawa kepada SWCORP dan kes juga boleh dibicarakan dalam mahkamah.

Tindakan yang tegas dan berkesa perlu diambil terhadap mereka yang melakukan pembakaran terbuka demi kesejahteraan alam sekitar kita."

### [ Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ]

35. PR-1522-U(27)271

**Tuan Tan Hong Pin [ Bakri ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan dalam usaha mengurangkan pembaziran makanan dan membantu golongan berpendapatan rendah. Usul ini merujuk kepada pengurusan makanan yang hampir mencapai tarikh luput.

Cadangan ini melibatkan makanan yang masih selamat dimakan seperti makanan dalam tin dan makanan berbungkus yang berada dalam keadaan baik, sekurang-kurangnya dua bulan sebelum tarikh luput, serta makanan hasil segar yang belum menunjukkan tanda-tanda pereputan. Makanan-makanan tersebut boleh didermakan kepada bank makanan yang sedia ada di kawasan tempatan, untuk kemudian diedarkan kepada golongan B40.

Langkah ini bukan sahaja membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan akses kepada makanan, tetapi juga secara tidak langsung mengurangkan kadar sisa makanan yang berlaku dalam industri penjualan runcit makanan di negara kita. Ini adalah seajar dengan usaha Kerajaan dalam mengekalkan kelestarian alam dan mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar. Kerajaan, pasaraya besar dan kedai serbaneka berjenama tempatan, serta komuniti dapat bekerjasama dalam usaha ini untuk mengurangkan pembaziran dan membantu rakyat yang memerlukan. Dengan cara ini, kita dapat membantu memastikan bahawa semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada makanan yang mencukupi dan berkualiti. "

### [ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 168	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
<b><u>TAHUN 2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 29	Kertas Putih Kesihatan	12 Jun 2023
ST. 97	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 139	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 142	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 143	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 145	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 146	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023
ST. 147	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Bagi Tahun 2021	12 Jun 2023

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

<b>Tarikh Ucapan</b>	<b>Ahli Yang Berucap</b>	<b>Tajuk Ucapan</b>	<b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>
1. 12.06.2023 (Isnin)	1. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	1. Langkah KDN dalam Pengurusan Kes Kematian dalam Tahanan Polis	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 12.06.2023 (Isnin)	2. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	2. Proses Permohonan Warganegara Perkara 15A	2. YB Menteri Dalam Negeri
3. 12.06.2023 (Isnin)	3. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	3. Cadangan Projek Naik Taraf Kuarters Polis Batu 1, Mersing, Johor	3. YB Menteri Dalam Negeri
4. 12.06.2023 (Isnin)	4. YB Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas (Mersing)	4. Cadangan Membina Bangunan Baharu SJK (T) Mersing	4. YB Menteri Pendidikan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**